

Headline **Halex kaji produk mesra alam sekitar**
Date **19 Aug 2009**
MediaTitle **Berita Harian (Johor)**
Section **News**
Journalist **Mohd Zin Ali**
Frequency **Daily**
ADValue **6,969**

Language **Malay**
Page No **22**
Article Size **550 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **20,907**



Halex kaji produk mesra alam sekitar

Jalin kerjasama dengan Sirim, FRIM, agensi swasta hasilkan agrokimia berkualiti

Oleh Mohd Zin Ali
mdzin@nstp.com.my

JOHOR BAHRU: Syarikat tempatan yang menjalankan perniagaan utama dalam bidang agrokimia dan baja, Halex Holdings Bhd (Halex), akan terus memberikan tumpuan dalam program penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan pelbagai rangkaian produk baru berpotensi, berkualiti dan mesra alam.

Pengerusi yang juga Pengarah Urusannya, Yeoh Cheng Poh, berkata syarikatnya memperuntukkan satu peratus daripada hasil tahunan syarikat untuk menjalankan R&D bagi meningkatkan kualiti produk sedia ada serta menghasilkan produk baru.

Katanya, ketika ini, pihaknya menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi penyelidikan seperti Pusat Biosains Gunaan Antarabangsa (CABI), Loji Pandu Kejuruteraan Kimia (CEPP) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Sirim dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

"Sebagai bukti keupayaan R&D kami, Halex menjadi syarikat tempatan pertama didaftarkan di negara ini untuk racun serangga tanaman Cypermethrin 10EW yang berasaskan air yang mesra alam selain berjaya mengkomersialkan baja daun bioorganik pada 2004.

"Kami juga mempunyai makmal kultur tisu untuk menghasilkan benih dan pelbagai jenis tumbuhan yang bebas pencemaran serta meng-

kaji prospek bioteknologi termasuk mikroorganisma baik," katanya.

Halex ditubuhkan pada 1980 sebagai Halex (M) Sdn Bhd dengan pada mulanya menjalankan perniagaan import dan mengedar agrokimia serta baja sebelum memperluaskan perniagaan sebagai syarikat pengilang kontrak dan memformulasi agrokimia (Halex Industries (M) Sdn Bhd); menjalankan vermikultur, kultur tisu dan mengeksport dedaun dan tanaman hiasan (Halex Biotechnologies Sdn Bhd) serta mengilang dan mengedar produk penjagaan kesihatan pakai buang berasaskan kertas dan kapas (Halex Woolton Sdn Bhd).

Halex yang mempunyai pendapatan kira-kira RM100 juta pada tahun lalu kini mempunyai 111 produk yang berdaftar dengan Lembaga Makhluk Perosak Malaysia, mengeksport lebih 50 jenis dedaun, 18 jenis orkid dan 10 tanaman hiasan serta pelbagai produk penjagaan kesihatan pakai buang berasaskan kertas dan kapas seperti tisu biasa, tisu lembab dan kapas muka antaranya ke Jepun, Amerika Syarikat, Australia, Pakistan dan Kenya.

Bagi mengembangkan lagi perniagaan Halex, Yeoh berkata, pihaknya melancarkan tawaran awam permulaan (IPO) pada hari ini, sebanyak 10 juta saham biasa baru bernilai 50 sen setiap satu dan menawarkan jualan 10 juta saham sedia ada yang boleh dipohon pelabur Bumiputera pada harga 78 sen setiap saham.

“Sebagai bukti keupayaan R&D kami, Halex menjadi syarikat tempatan pertama didaftarkan di negara ini untuk

Headline **Halex kaji produk mesra alam sekitar**
Date **19 Aug 2009**
MediaTitle **Berita Harian (Johor)**
Section **News**
Journalist **Mohd Zin Ali**
Frequency **Daily**
ADValue **6,969**

Language **Malay**
Page No **22**
Article Size **550 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **20,907**

*racun serangga
tanaman
Cypermethrin 10EW
yang berasaskan*

*air yang mesra
alam selain berjaya
mengomersialkan
baja daun*

*bioorganik pada
2004"*

Yeoh Cheng Poh
Pengarah Urusan
Halex Holdings Bhd (Halex)



Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
ADValue

Halex kaji produk mesra alam sekitar
19 Aug 2009
Berita Harian (Johor)
News
Mohd Zin Ali
Daily
6,969

Language
Page No
Article Size
Color
PRValue

Malay
22
550 cm²
Full Color
20,907



YEOH bersama petugas, Supian Yussof (kiri) dan Husaini Md Sadli menunjukkan produk keluaran Halex Holdings Bhd.

HAIRIL ANUAR ABD RAHIM | BERITA HARIAN